

D.R. 34/2023

**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN AWAM DAN
TANGGUNGJAWAB FISKAL 2023**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Akta hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang bertulis yang berkaitan
4. Tafsiran

BAHAGIAN II

PRINSIP DASAR FISKAL

5. Objektif dasar fiskal
6. Perumusan dasar fiskal, dsb.
7. Keluaran dalam negeri kasar
8. Objektif fiskal dan nilai kuantiti
9. Rangka Kerja Fiskal Jangka Masa Sederhana

BAHAGIAN III

KOMPONEN UTAMA DASAR FISKAL

Penggal 1

Hasil

10. Perumusan dasar hasil
11. Dasar hasil
12. Tanggungjawab Menteri berhubung dengan dasar hasil

Rang Undang-Undang

Panggal 2

*Perbelanjaan awam**Fasal*

13. Perumusan dasar perbelanjaan awam
14. Dasar perbelanjaan awam
15. Tanggungjawab Menteri berhubung dengan perbelanjaan awam

Panggal 3

Pengurusan pinjaman dan hutang

16. Perumusan dasar pengurusan pinjaman dan hutang
17. Dasar pengurusan pinjaman
18. Dasar pengurusan hutang
19. Tanggungjawab Menteri berhubung dengan pengurusan pinjaman dan hutang

Panggal 4

Pengurusan risiko fiskal

20. Perumusan dasar pengurusan risiko fiskal
21. Tanggungjawab Menteri berhubung dengan pengurusan risiko fiskal
22. Penzahiran risiko fiskal
23. Mengehadkan pendedahan kepada risiko fiskal
24. Pelan mitigasi berhubung dengan jaminan kewangan
25. Tanggungjawab untuk mengemukakan penyata kewangan

BAHAGIAN IV

PELAN PELARASAN FISKAL

26. Penyimpangan sementara
27. Ketidakcapaian objektif fiskal dan nilai kuantiti

BAHAGIAN V

JAWATANKUASA DASAR FISKAL

Fasal

- 28. Penubuhan Jawatankuasa
- 29. Anggota Jawatankuasa
- 30. Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa
- 31. Jawatankuasa kecil

BAHAGIAN VI

PELAPORAN

Penggal 1

Dokumen belanjawan tahunan

- 32. Laporan tinjauan ekonomi
- 33. Laporan tinjauan fiskal
- 34. Anggaran hasil
- 35. Anggaran perbelanjaan

Penggal 2

*Laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun, penyata risiko fiskal
dan penyata perbelanjaan cukai*

- 36. Laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun
- 37. Penyata risiko fiskal
- 38. Penyata perbelanjaan cukai

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai tanggungjawab, kebertanggungjawaban, tadbir urus dan ketelusan Kerajaan dalam, menguruskan kewangan awam dan risiko fiskal khususnya berhubung dengan hasil, perbelanjaan, pinjaman dan hutang; melaporkan dokumen belanjawan tahunan dan penerbitan dokumen lain; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa bahagian atau peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pemakaian

2. Akta ini hendaklah terpakai bagi Kerajaan dan entiti Kerajaan.

Akta hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang bertulis yang berkaitan

3. Akta ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang bertulis yang berkaitan dan peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan undang-undang bertulis yang berkaitan.

Tafsiran

4. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pinjaman” ertinya pinjaman yang diperdapatkan atau wang yang diterima di bawah Akta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Dasar Fiskal yang ditubuhkan di bawah seksyen 28;

“hutang” ertinya semua pinjaman terkumpul yang dibuat oleh Kerajaan;

“bayaran khidmat hutang” ertinya apa-apa faedah atau kadar keuntungan dan perbelanjaan lain yang dilakukan berkaitan dengan pinjaman yang menjadi tanggungan Kerajaan dan dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan;

“perbelanjaan pembangunan” ertinya wang yang digunakan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*];

“petunjuk ekonomi” ertinya petunjuk yang digunakan dalam menyediakan unjuran kedudukan fiskal, termasuklah tetapi tidak terhad kepada keluaran dalam negeri kasar, harga komoditi dan kadar pertukaran mata wang asing;

“jaminan kewangan” ertinya apa-apa jaminan yang diberikan di bawah subseksyen 14(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], seksyen 2 Akta Jaminan Pinjaman 1972 [*Akta 66*], subseksyen 2(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*] dan seksyen 2 Akta Jaminan Pinjaman 1963 [*Akta 412*];

“tahun kewangan” ertinya tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31hb Disember dalam mana-mana tahun;

“baki fiskal” ertinya perbezaan antara jumlah hasil dengan jumlah perbelanjaan;

“objektif fiskal” ertinya objektif yang ditetapkan oleh Kerajaan di bawah seksyen 8;

“kedudukan fiskal” ertinya kedudukan kewangan Kerajaan yang terdiri daripada hasil, perbelanjaan, terimaan balik pinjaman dan baki fiskal;

“risiko fiskal” ertinya transaksi atau hal keadaan yang disebut dalam subseksyen 20(2);

“Entiti Kerajaan” ertinya—

(a) mana-mana syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] yang—

(i) dalam hal syarikat berhad menurut syer, Menteri Kewangan yang diperbadankan di bawah Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 [*Akta 375*] merupakan pemegang syer lebih lima puluh peratus daripada syer syarikat; atau

(ii) dalam hal syarikat berhad menurut jaminan, Menteri Kewangan yang diperbadankan di bawah Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 merupakan anggota syarikat;

(b) mana-mana pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [*Akta 258*] oleh Kerajaan; dan

- (c) mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan di bawah suatu Akta Parlimen dan merupakan pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan;

“keluaran dalam negeri kasar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 7;

“jangka masa panjang” ertinya suatu tempoh yang melebihi lima tahun;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“jangka masa sederhana” ertinya suatu tempoh antara tiga hingga lima tahun;

“Rangka Kerja Fiskal Jangka Masa Sederhana” ertinya rangka kerja yang dirumuskan oleh Menteri di bawah seksyen 9;

“perbelanjaan mengurus” ertinya perbelanjaan yang disebut dalam Perkara 98, 100, 101, 102 dan 103 Perlembagaan Persekutuan;

“liabiliti lain” ertinya liabiliti kewangan lain yang berbangkit daripada penghasilan jaminan kewangan atau apa-apa obligasi lain yang memerlukan peruntukan daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan;

“kerjasama awam-swasta” ertinya suatu bentuk kerjasama antara Kerajaan dengan sektor swasta apabila perniagaan bersendirian ditubuhkan, dibiayai dan diuruskan oleh sektor swasta bagi pihak Kerajaan yang merangkumi kerja-kerja pembinaan, pengurusan, penyelenggaraan dan pembaikan, dan penggantian kemudahan awam seperti bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan;

“nilai kuantiti” ertinya angka sasaran bagi objektif fiskal;

“hasil” ertinya wang yang diterima oleh Kerajaan dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan menurut Fasal (1) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan dan diakaunkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan di bawah perenggan 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957;

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Persekutuan.

BAHAGIAN II

PRINSIP DASAR FISKAL

Objektif dasar fiskal

5. Menteri bertanggungjawab bagi merumuskan dan melaksanakan dasar fiskal Kerajaan dengan objektif untuk memastikan kemampanan kewangan awam, memelihara kestabilan makroekonomi dan melindungi kesejahteraan rakyat.

Perumusan dasar fiskal, dsb.

6. (1) Perumusan dasar fiskal hendaklah berdasarkan tetapi tidak terhad kepada prinsip umum yang berikut:

- (a) kebertanggungjawaban, yang ertinya kebertanggungjawaban Kerajaan dalam menjalankan tanggungjawabnya untuk menguruskan dasar fiskal;
- (b) tanggungjawab, yang ertinya pengurusan sumber Kerajaan dan pengurusan risiko fiskal yang bertanggungjawab bagi mengekalkan kemampanan fiskal dan alam sekitar;
- (c) ketelusan, yang ertinya penerbitan maklumat kewangan dan bukan kewangan yang berhubungan dengan pengurusan dasar fiskal disediakan tepat pada masanya bagi membolehkan penilaian yang berkesan terhadap pelaksanaan dasar fiskal dan kedudukan kewangan awam; dan
- (d) kesaksamaan antara generasi, yang ertinya pengurusan dasar fiskal hendaklah mempertimbangkan impak ke atas kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

(2) Bagi mencapai objektif dasar fiskal dalam seksyen 5, dasar fiskal Kerajaan hendaklah berdasarkan prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab seperti yang berikut:

- (a) memastikan kestabilan makroekonomi;
- (b) mencapai dan mengekalkan kemampanan baki fiskal;

- (c) mencapai dan mengekalkan tahap hutang yang berhemat; dan
- (d) memastikan pengurusan risiko fiskal yang berkesan.

Keluaran dalam negeri kasar

7. Keluaran dalam negeri kasar hendaklah merupakan keluaran dalam negeri kasar Malaysia nominal yang terkini sebagaimana yang disahkan oleh Menteri.

Objektif fiskal dan nilai kuantiti

8. (1) Mengikut prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab dalam subseksyen 6(2), Kerajaan hendaklah mencapai objektif fiskalnya seperti yang berikut:

- (a) untuk memastikan perbelanjaan pembangunan tahunan minimum yang dilakukan sebagai peratusan keluaran dalam negeri kasar bagi menjana pertumbuhan ekonomi;
- (b) untuk mencapai baki fiskal yang mampan sebagai peratusan kepada keluaran dalam negeri kasar dalam jangka masa sederhana;
- (c) untuk mencapai tahap hutang yang berhemat sebagai peratusan kepada keluaran dalam negeri kasar dalam jangka masa sederhana; dan
- (d) untuk menghadkan pendedahan kepada risiko fiskal berhubung dengan apa-apa jaminan kewangan sebagai peratusan kepada keluaran dalam negeri kasar.

(2) Objektif fiskal hendaklah diukur dengan nilai kuantiti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(3) Nilai kuantiti hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya satu angka sasaran yang perlu dicapai dalam jangka masa sederhana.

(4) Komponen utama dasar fiskal untuk mencapai objektif fiskal hendaklah seperti yang diperuntukkan di bawah Bahagian III Akta ini.

Rangka Kerja Fiskal Jangka Masa Sederhana

9. (1) Menteri hendaklah merumuskan Rangka Kerja Fiskal Jangka Masa Sederhana sebagai panduan perancangan, strategi dan keutamaan fiskal dalam jangka masa sederhana.

(2) Rangka Kerja Fiskal Jangka Masa Sederhana merupakan unjuran tiga hingga lima tahun kedudukan fiskal Kerajaan dengan sandaran andaian petunjuk ekonomi yang diunjurkan oleh Kerajaan.

(3) Rangka Kerja Fiskal Jangka Masa Sederhana hendaklah disokong oleh suatu strategi hasil dan suatu dasar perbelanjaan awam.

BAHAGIAN III

KOMPONEN UTAMA DASAR FISKAL

Penggal 1

Hasil

Perumusan dasar hasil

10. (1) Menteri bertanggungjawab bagi merumuskan dan melaksanakan dasar hasil Kerajaan berdasarkan prinsip kecekapan, keadilan dan kesaksamaan, dan prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab di bawah Akta ini.

(2) Perumusan dasar hasil hendaklah berdasarkan objektif yang berikut:

- (a) untuk mencapai penjanaan hasil yang mencukupi dan mampan dalam jangka masa sederhana dan panjang;
- (b) untuk mengurus dan mentadbir hasil selaras dengan amalan terbaik antarabangsa;
- (c) untuk mempunyai sistem cukai yang cekap dan rangka kerja perundangan yang saksama; dan
- (d) untuk mengekalkan darjah kebolehamalan dan kestabilan dasar cukai yang munasabah.

Dasar hasil

11. (1) Dasar hasil hendaklah berdaya saing dalam persekitaran global, menggalakkan pelaburan dan menyokong pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang.

(2) Menteri hendaklah memastikan penjanaan hasil mampu untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan atau sekurang-kurangnya untuk membiayai perbelanjaan mengurus.

(3) Kerajaan hendaklah menerima pakai dasar hasil yang berkesan dan cekap yang—

(a) memastikan penjanaan hasil yang mampan; dan

(b) meminimumkan kemungkinan kehilangan hasil.

Tanggungjawab Menteri berhubung dengan dasar hasil

12. (1) Menteri hendaklah merumuskan strategi hasil jangka masa sederhana dan menjalankan suatu kajian semula ke atas dasar hasil termasuklah tetapi tidak terhad kepada rangka kerja perundangan dan struktur insentif dalam mengoptimumkan sumber hasil.

(2) Menteri hendaklah, berkenaan dengan setiap tahun kewangan, menyediakan anggaran hasil tahunan berdasarkan perubahan dasar dan perundangan hasil selaras dengan sandaran andaian petunjuk ekonomi dan faktor lain yang berkaitan.

(3) Menteri hendaklah membuat suatu taksiran mengenai potensi kehilangan atau tambahan hasil dan hendaklah menyatakan langkah-langkah yang boleh meminimumkan kehilangan hasil.

(4) Menteri hendaklah memastikan pengurusan dan pentadbiran hasil adalah mengikut objektif di bawah subseksyen 10(2) dan dasar di bawah seksyen 11 yang berhubungan dengan hasil.

Penggal 2

Perbelanjaan awam

Perumusan dasar perbelanjaan awam

13. (1) Menteri bertanggungjawab bagi merumuskan dan melaksanakan dasar perbelanjaan awam secara berkesan dan cekap untuk meningkatkan disiplin fiskal, penyampaian perkhidmatan awam dan agihan sumber ke arah mencapai keseluruhan objektif sosioekonomi mengikut prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab di bawah Akta ini.

(2) Perumusan dasar perbelanjaan awam hendaklah berdasarkan kepada objektif yang berikut:

- (a) untuk menerapkan disiplin fiskal dalam pengurusan perbelanjaan awam;
- (b) untuk memastikan penjajaran perbelanjaan awam dengan penjanaan hasil dalam jangka masa sederhana;
- (c) untuk memastikan ketelusan dalam perbelanjaan awam; dan
- (d) untuk meningkatkan kecekapan dalam perbelanjaan awam.

(3) Dalam merumuskan dasar perbelanjaan awam di bawah seksyen ini, Menteri hendaklah mengambil kira perbelanjaan pembangunan tahunan sebagai peratusan kadar keluaran dalam negeri kasar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Dasar perbelanjaan awam

14. (1) Perumusan dasar perbelanjaan awam hendaklah menyeluruh, realistik dan telus dengan garis tanggungjawab dan kebertanggungjawaban yang jelas.

(2) Kerajaan hendaklah menerima pakai dasar perbelanjaan awam yang berkesan dan cekap yang—

- (a) memastikan perbelanjaan awam diuruskan secara berhemat;

- (b) sumber diperuntukkan dengan cekap dan berkesan;
- (c) program dan projek yang dilaksanakan mempunyai impak yang tinggi dan kesan pengganda kepada ekonomi; dan
- (d) memastikan peruntukan yang dibelanjakan memberi nilai faedah terbaik.

(3) Kerajaan hendaklah, sebelum membuat apa-apa keputusan dan dasar yang melibatkan perbelanjaan tambahan, menilai implikasi kewangan bersama-sama dengan penstrukturan semula perbelanjaan atau penyusunan semula keutamaan strategi dan langkah-langkah hasil.

Tanggungjawab Menteri berhubung dengan perbelanjaan awam

15. (1) Menteri hendaklah merumuskan dasar perbelanjaan awam jangka masa sederhana sebagai rangka kerja yang menyeluruh untuk perancangan perbelanjaan awam.

(2) Menteri hendaklah, berkenaan dengan setiap tahun kewangan, menyediakan penyata anggaran perbelanjaan berdasarkan mandat dan dasar Kerajaan selaras dengan sandaran andaian petunjuk ekonomi dan faktor lain yang berkaitan.

(3) Menteri hendaklah memantau prestasi program dan projek dalam anggaran perbelanjaan dan melaporkan keberhasilannya untuk memastikan penggunaan sumber yang optimum.

(4) Menteri hendaklah menerbitkan laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun di bawah seksyen 36 Akta ini.

(5) Menteri hendaklah, semasa pembentangan rang undang-undang perbekalan tambahan, menyatakan tujuan dan sumber pembiayaan berhubung dengan perbelanjaan tambahan dan lebih, sekiranya perbelanjaan tahun kewangan itu melebihi anggaran perbelanjaan yang diluluskan sama ada melalui penjimatan, penstrukturan semula perbelanjaan, tambahan hasil atau pinjaman.

(6) Menteri hendaklah menjalankan penilaian program dan projek dalam jangka masa sederhana dan melaporkan dapatan dan syornya kepada Jemaah Menteri.

Penggal 3

Pengurusan pinjaman dan hutang

Perumusan dasar pengurusan pinjaman dan hutang

16. (1) Menteri bertanggungjawab bagi merumuskan dan melaksanakan dasar pengurusan pinjaman dan hutang Kerajaan secara bertanggungjawab dan berhemat dengan matlamat untuk memastikan kemampuan dan kemampunan hutang.

(2) Perumusan dasar pengurusan pinjaman dan hutang hendaklah berdasarkan objektif yang berikut:

- (a) untuk memastikan obligasi pinjaman dan hutang Kerajaan dipenuhi tepat pada masanya pada kos paling rendah dengan tahap risiko yang munasabah;
- (b) untuk menggalakkan pembangunan dan kecekapan fungsi pasaran kewangan domestik; dan
- (c) untuk memastikan kemampuan hutang dan konsolidasi hutang dalam jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.

Dasar pengurusan pinjaman

17. Pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan hendaklah mengikut Akta yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan hendaklah digunakan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dan pembayaran balik hutang.

Dasar pengurusan hutang

18. (1) Jumlah hutang Kerajaan hendaklah tidak melebihi peratusan kepada keluaran dalam negeri kasar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Menteri hendaklah, sekiranya jumlah hasil melebihi jumlah perbelanjaan dalam tahun kewangan, memindahkan apa-apa lebihan jumlah hasil berbanding jumlah perbelanjaan kepada kumpulan wang penjelas yang diwujudkan di bawah seksyen 12 Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [*Akta 637*] untuk mengurangkan hutang Kerajaan.

Tanggungjawab Menteri berhubung dengan pengurusan pinjaman dan hutang

19. (1) Menteri hendaklah, sebelum permulaan suatu tahun kewangan, menyediakan suatu program pinjaman untuk membiayai perbelanjaan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dan untuk membayar balik hutang matang bagi tahun kewangan itu.

(2) Menteri boleh menyemak semula program pinjaman sebagaimana yang disifatkannya perlu.

(3) Menteri hendaklah, pada setiap masa, memantau pinjaman, bayaran khidmat hutang dan jumlah hutang.

(4) Menteri hendaklah membuat penilaian ke atas kemampuan hutang dalam jangka masa sederhana dan melaporkan dapatan dan syornya kepada Kerajaan.

(5) Menteri hendaklah memastikan pelaksanaan dasar pengurusan pinjaman dan hutang adalah selaras dengan dan mengikut peruntukan Akta ini.

Penggal 4

Pengurusan risiko fiskal

Perumusan dasar pengurusan risiko fiskal

20. (1) Menteri bertanggungjawab bagi merumuskan dasar pengurusan risiko fiskal Kerajaan dengan matlamat untuk meminimumkan dan mengurangkan pendedahan risiko Kerajaan selaras dengan prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab di bawah subseksyen 6(2) Akta ini.

(2) Risiko fiskal ertinya apa-apa transaksi atau hal keadaan yang mengikat atau boleh mengikat Kerajaan kepada liabiliti kewangan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada—

- (a) komitmen kewangan kepada Kerajaan yang berbangkit daripada apa-apa jaminan kewangan, kerjasama awam-swasta dan entiti Kerajaan;
- (b) perubahan dalam mana-mana petunjuk ekonomi yang boleh menyebabkan komitmen kewangan tambahan kepada Kerajaan;
- (c) kesan bencana alam, perubahan iklim, pandemik dan situasi geopolitik yang boleh menyebabkan komitmen kewangan tambahan kepada Kerajaan; dan
- (d) apa-apa hal keadaan yang boleh berpotensi mendedahkan Kerajaan kepada suatu komitmen kewangan.

Tanggungjawab Menteri berhubung dengan pengurusan risiko fiskal

21. Tanggungjawab Menteri berhubung dengan pengurusan risiko fiskal adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk mengenal pasti sumber risiko fiskal yang boleh mendedahkan Kerajaan kepada apa-apa liabiliti kewangan;
- (b) untuk menilai dan menentukan, semasa tahun kewangan dan selepas berakhir setiap tahun kewangan—
 - (i) prestasi kewangan entiti Kerajaan dan penerima jaminan kewangan yang boleh mendedahkan Kerajaan kepada liabiliti;
 - (ii) apa-apa keputusan Kerajaan yang boleh mengikat Kerajaan kepada suatu komitmen kewangan tambahan;

- (iii) apa-apa bencana alam dan hal keadaan lain yang menyebabkan komitmen kewangan tambahan dan obligasi hutang; dan
- (iv) perubahan dalam petunjuk ekonomi yang boleh mengubah kedudukan fiskal; dan
- (c) untuk merumuskan suatu pelan untuk mengurangkan risiko material kepada kedudukan fiskal Kerajaan yang berbangkit daripada perkara yang dinyatakan di bawah subseksyen 20(2).

Penzahiran risiko fiskal

22. Menteri dalam menjalankan penilaian yang dibuat menurut perenggan 21(b), hendaklah menyediakan peruntukan kewangan dan menzahirkan risiko fiskal berdasarkan keadaan-keadaan yang berikut:

- (a) sekiranya risiko fiskal yang dinilai boleh ditentukan kuantiti dengan ketepatan yang munasabah dan komitmen kewangan yang boleh ditetapkan dalam jangka masa sederhana berbangkit, komitmen kewangan itu hendaklah dizahirkan dalam laporan tinjauan fiskal; atau
- (b) sekiranya risiko fiskal yang dinilai tidak boleh ditentukan kuantiti dengan ketepatan yang munasabah atau komitmen kewangan tidak boleh ditetapkan dalam jangka masa sederhana, risiko fiskal itu hendaklah dizahirkan dalam penyata risiko fiskal.

Mengehadkan pendedahan kepada risiko fiskal

23. (1) Menteri hendaklah menyediakan dan menerbitkan garis panduan atau rangka kerja dasar untuk mengehadkan pendedahan risiko fiskal ke atas kedudukan fiskal Kerajaan yang berbangkit daripada jaminan kewangan, kerjasama awam-swasta dan entiti Kerajaan.

(2) Tiada jaminan kewangan boleh diberikan melainkan jika—

- (a) jaminan itu adalah selaras dengan prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab di bawah Akta ini;
- (b) terma dan syarat jaminan itu adalah selaras dengan garis panduan atau rangka kerja dasar; dan
- (c) amaun jaminan itu hendaklah tidak melebihi had nilai kuantiti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Pelan mitigasi berhubung dengan jaminan kewangan

24. (1) Sekiranya terdapat kemungkinan berlaku suatu kemungkiran atau terdapat suatu keadaan signifikan yang boleh menyebabkan berlakunya kemungkiran oleh penerima jaminan kewangan, Menteri hendaklah membentangkan pelan mitigasi di hadapan Dewan Rakyat.

(2) Sekiranya pelan mitigasi melibatkan penggunaan amaun daripada Kumpulan Wang Disatukan, amaun itu hendaklah diperuntukkan dalam anggaran perbelanjaan.

Tanggungjawab untuk mengemukakan penyata kewangan

25. (1) Entiti Kerajaan dan penerima jaminan kewangan hendaklah mengemukakan penyata kewangan teraudit kepada Perbendaharaan tidak lebih dari enam bulan dari berakhirnya tahun kewangan.

(2) Sekiranya penyata kewangan teraudit belum dikeluarkan, entiti Kerajaan dan penerima jaminan kewangan hendaklah mengemukakan penyata kewangan yang tidak teraudit.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), Menteri boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan entiti Kerajaan dan penerima jaminan kewangan untuk mengemukakan penyata kewangannya.

(4) Bagi maksud subseksyen (1), ‘tahun kewangan’ ertinya tahun kewangan seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Syarikat 2016.

BAHAGIAN IV

PELAN PELARASAN FISKAL

Penyimpangan sementara

26. (1) Kerajaan boleh menyimpang buat sementara daripada objektif fiskal yang disebut dalam seksyen 8 apabila berlaku suatu keadaan mengejut dan tidak dapat diramalkan yang boleh mendatangkan risiko yang signifikan kepada kehidupan manusia, ekonomi dan kedudukan fiskal.

(2) Sebelum apa-apa penyimpangan yang disebut dalam subseksyen (1), Menteri hendaklah menjalankan suatu penilaian untuk menentukan sama ada keadaan sedemikian akan menyebabkan kemelesetan ekonomi yang signifikan, krisis kesihatan atau menjejaskan kedudukan fiskal Kerajaan.

(3) Menteri hendaklah membentangkan penilaian yang disebut dalam subseksyen (2) kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.

(4) Jika Jemaah Menteri berpuas hati bahawa keadaan sedemikian akan menyebabkan kemelesetan ekonomi yang signifikan, krisis kesihatan atau menjejaskan kedudukan fiskal Kerajaan, Menteri hendaklah menyediakan dan membentangkan pelan pelarasan fiskal kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.

(5) Pelan pelarasan fiskal hendaklah mengandungi—

- (a) alasan bagi penyimpangan daripada objektif fiskal dan nilai kuantitinya;
- (b) langkah-langkah yang akan diambil untuk kembali kepada objektif fiskal dan nilai kuantitinya;
- (c) jangkaan tempoh masa yang akan diambil untuk kembali kepada objektif fiskal dan nilai kuantitinya; dan
- (d) maklumat lain yang berkaitan dengan pelan pelarasan fiskal.

(6) Menteri hendaklah membentangkan pelan pelarasan fiskal pada sidang Dewan Rakyat yang akan datang selepas kelulusan diberikan oleh Jemaah Menteri dalam subseksyen (4).

Ketidakcapaian objektif fiskal dan nilai kuantiti

27. (1) Sekiranya objektif fiskal dan nilai kuantiti sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama tidak tercapai, Menteri hendaklah membentangkan suatu pelan pelarasan fiskal untuk diluluskan melalui ketetapan oleh Dewan Rakyat.

(2) Pelan pelarasan fiskal hendaklah mengandungi—

- (a) alasan bagi ketidakcapaian objektif fiskal dan nilai kuantiti;
- (b) langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mencapai objektif fiskal dan nilai kuantiti;
- (c) jangkaan tempoh masa yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mencapai objektif fiskal dan nilai kuantiti; dan
- (d) maklumat lain yang berkaitan dengan pelan pelarasan fiskal.

(3) Sekiranya pelan pelarasan fiskal tidak diluluskan, Dewan Rakyat boleh meluluskan suatu ketetapan untuk menghendaki Menteri menambah baik pelan pelarasan fiskal untuk dibentangkan di Dewan Rakyat dengan seberapa segera yang boleh praktik.

(4) Menteri hendaklah melaporkan kemajuan langkah-langkah seperti yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b) dalam laporan tinjauan fiskal tahunan yang berikutnya.

BAHAGIAN V

JAWATANKUASA DASAR FISKAL

Penubuhan Jawatankuasa

28. Hendaklah ada suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai “Jawatankuasa Dasar Fiskal” yang boleh mengemukakan syor kepada Jemaah Menteri berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengan dasar fiskal Kerajaan.

Anggota Jawatankuasa

29. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Perdana Menteri sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Perdana Menteri;
- (c) Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi kewangan;
- (d) Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi ekonomi;
- (e) Ketua Setiausaha Negara;
- (f) Ketua Setiausaha Perbendaharaan;
- (g) Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi;
- (h) Gabenor Bank Negara Malaysia; dan
- (i) tidak lebih daripada dua orang lain yang hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa yang hendaklah daripada kalangan orang yang mempunyai kedudukan dan pengalaman dalam fiskal atau kewangan awam.

(2) Ketua bahagian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal dasar fiskal di Perbendaharaan hendaklah menjadi setiausaha kepada Jawatankuasa.

(3) Pengerusi boleh menjemput mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud mendapatkan pandangan mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan.

(4) Jawatankuasa boleh menentukan tatacaranya sendiri.

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa

30. Jawatankuasa hendaklah mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk—

- (a) menyelia perkara fiskal, hutang dan liabiliti, dan risiko fiskal;

- (b) menimbang teliti dan mencadangkan dasar kepada Kerajaan untuk mencapai objektif fiskal sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 8 Akta ini; dan
- (c) memenuhi kewajipan fidusiarinya untuk memastikan pelaksanaan dasar fiskal adalah selaras dengan prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 6(2) Akta ini.

Jawatankuasa kecil

31. (1) Jawatankuasa boleh menubuhkan suatu jawatankuasa kecil untuk menilai risiko fiskal, hutang dan liabiliti lain kepada Kerajaan.

(2) Jawatankuasa kecil ini hendaklah melapor dan mengemukakan syor kepada Jawatankuasa.

(3) Jawatankuasa hendaklah menentukan keanggotaan jawatankuasa kecil ini.

(4) Jawatankuasa kecil boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(5) Jawatankuasa kecil hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa kecil oleh Jawatankuasa.

BAHAGIAN VI

PELAPORAN

Penggal 1

Dokumen belanjawan tahunan

Laporan tinjauan ekonomi

32. (1) Menteri hendaklah, berkenaan dengan setiap tahun kewangan, membentangkan di hadapan Dewan Rakyat laporan tinjauan ekonomi berserta penyata anggaran hasil dan perbelanjaan bagi tahun itu.

(2) Laporan tinjauan ekonomi hendaklah mengandungi maklumat mengenai prestasi ekonomi semasa dan unjuran ekonomi selaras dengan objektif fiskal dan hendaklah termasuk unjuran makroekonomi bagi tahun kewangan itu, menetapkan nilai sebenar, anggaran dan unjuran nilai petunjuk ekonomi, yang terdiri daripada—

- (a) keluaran dalam negeri kasar dan komponennya;
- (b) inflasi;
- (c) pasaran buruh; dan
- (d) petunjuk ekonomi lain yang berkaitan.

Laporan tinjauan fiskal

33. (1) Menteri hendaklah, berkenaan dengan setiap tahun kewangan, membentangkan di hadapan Dewan Rakyat laporan tinjauan fiskal berserta penyata anggaran hasil dan perbelanjaan bagi tahun itu.

(2) Laporan tinjauan fiskal hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) jumlah hasil;
- (b) jumlah perbelanjaan;
- (c) baki fiskal;
- (d) tahap jumlah hutang dan liabiliti lain;
- (e) kedudukan fiskal sektor awam disatukan;
- (f) Rangka Kerja Fiskal Jangka Masa Sederhana;
- (g) apa-apa pelan pelarasan fiskal yang disebut di bawah Bahagian IV jika berkenaan; dan
- (h) petunjuk fiskal lain yang berkaitan.

(3) Laporan tinjauan fiskal hendaklah mengandungi prestasi dan strategi Kerajaan untuk mencapai objektif fiskal bagi setiap tahun kewangan dan untuk tempoh Rangka Kerja Fiskal Jangka Masa Sederhana.

Anggaran hasil

34. Menteri hendaklah, berkenaan dengan penyata anggaran hasil di bawah Fasal (1) Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan, memberikan maklumat mengenai kutipan hasil sebenar bagi tahun kewangan sebelumnya, anggaran hasil yang disemak bagi tahun kewangan semasa, anggaran hasil bagi tahun kewangan berikutnya dan maklumat mengenai hasil cukai dan bukan cukai.

Anggaran perbelanjaan

35. (1) Menteri hendaklah, berkenaan dengan penyata anggaran perbelanjaan di bawah Fasal (1) Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan, mengemukakan maklumat tentang anggaran perbelanjaan Kerajaan.

(2) Anggaran perbelanjaan hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) program dan aktiviti bagi perbelanjaan mengurus;
- (b) program dan projek bagi perbelanjaan pembangunan;
- (c) prestasi program; dan
- (d) maklumat lain yang berhubungan dengan anggaran perbelanjaan.

Penggal 2

Laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun, penyata risiko fiskal dan penyata perbelanjaan cukai

Laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun

36. (1) Menteri hendaklah menyebabkan supaya diterbitkan laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun tidak lewat daripada 30 September berkenaan dengan setiap tahun kewangan.

(2) Laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) perbelanjaan sebenar berbanding anggaran perbelanjaan;
- (b) perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih di bawah Perkara 101 Perlembagaan Persekutuan;
- (c) penggunaan Kumpulan Wang Luar Jangka di bawah Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan dan Rizab Luar Jangka di bawah seksyen 6 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966;
- (d) kemajuan dalam pelaksanaan inisiatif atau langkah-langkah belanjawan Kerajaan berkenaan dengan tahun kewangan itu; dan
- (e) maklumat lain yang berhubungan dengan laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun.

(3) Laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun hendaklah digunakan bagi maksud menilai prestasi perbelanjaan Kerajaan berbanding anggaran perbelanjaan bagi tahun kewangan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam anggaran perbelanjaan di bawah seksyen 35 Akta ini.

Penyata risiko fiskal

37. (1) Menteri hendaklah menyebabkan supaya diterbitkan penyata risiko fiskal tahunan.

(2) Penyata risiko fiskal hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) risiko makroekonomi;
- (b) tahap jaminan kewangan;
- (c) pendedahan kepada liabiliti lain;

- (d) penzahiran yang dinyatakan di bawah seksyen 22 Akta ini;
- (e) pelan mitigasi yang disebut dalam seksyen 24 Akta ini;
dan
- (f) maklumat lain yang berkaitan dengan risiko fiskal.

(3) Penyata risiko fiskal hendaklah digunakan bagi maksud menilai pendedahan risiko fiskal kepada Kerajaan.

Penyata perbelanjaan cukai

38. (1) Menteri hendaklah menyebabkan supaya diterbitkan penyata perbelanjaan cukai tahunan.

(2) Penyata perbelanjaan cukai hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) perbelanjaan cukai sebenar dan anggaran perbelanjaan cukai;
- (b) perbelanjaan cukai sebenar berbanding anggaran perbelanjaan cukai;
- (c) apa-apa perubahan dalam dasar cukai dan perundangan cukai; dan
- (d) maklumat lain yang berhubungan dengan perbelanjaan cukai.

(3) Penyata perbelanjaan cukai hendaklah digunakan bagi maksud menilai kehilangan hasil yang berbangkit daripada perubahan dasar cukai Kerajaan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada pengecualian, peremitan, elaun, kadar cukai keutamaan, penangguhan atau timbal balas, yang mengurangkan obligasi cukai bagi mencapai objektif yang dihasratkan.

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 8(2)]

Objektif Fiskal dan Nilai Kuantiti

Objektif Fiskal	Nilai Kuantiti
Perbelanjaan pembangunan tahunan yang dilakukan sebagai peratusan kepada keluaran dalam negeri kasar	$\geq 3\%$
Baki fiskal sebagai peratusan kepada keluaran dalam negeri kasar	$\leq -3\%$
Paras hutang sebagai peratusan kepada keluaran dalam negeri kasar	$\leq 60\%$
Jaminan kewangan sebagai peratusan kepada keluaran dalam negeri kasar	$\leq 25\%$

JADUAL KEDUA

[Seksyen 4 dan 17]

Perundangan Pinjaman dan Hutang

1. Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [*Akta 188*]
2. Akta Pinjaman (Tempatan) 1959
3. Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [*Akta 403*]
4. Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) 1977 [*Akta 187*]
5. Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [*Akta 275*]

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tanggungjawab, kebertanggungjawaban, tadbir urus dan ketelusan Kerajaan dalam, menguruskan kewangan awam dan risiko fiskal khususnya berhubung dengan hasil, perbelanjaan, pinjaman dan hutang; melaporkan dokumen belanjawan tahunan dan penerbitan dokumen lain; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan termasuk kuasa untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta yang dicadangkan kepada Kerajaan dan entiti Kerajaan.
5. *Fasal 3* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Akta yang dicadangkan hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang bertulis lain yang berkaitan dan peruntukan Akta yang dicadangkan hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan undang-undang bertulis lain yang berkaitan.
6. *Fasal 4* mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

7. Bahagian II Akta yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan prinsip berhubung dengan dasar fiskal.
8. *Fasal 5* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Menteri Kewangan bertanggungjawab untuk merumuskan dan melaksanakan dasar fiskal Kerajaan dengan objektif utama untuk memastikan kemampunan kewangan awam, memelihara kestabilan makroekonomi dan melindungi kesejahteraan rakyat.
9. *Fasal 6* bertujuan untuk memperuntukkan bagi perumusan dasar fiskal Kerajaan. Perumusan dasar fiskal hendaklah berdasarkan tetapi tidak terhad kepada prinsip umum iaitu kebertanggungjawaban, tanggungjawab, ketelusan dan kesaksamaan antara generasi. *Fasal* ini selanjutnya memperuntukkan bahawa bagi mencapai objektif fiskal di bawah *fasal 5*, dasar fiskal Kerajaan hendaklah dirumuskan berdasarkan prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab iaitu memastikan kestabilan makroekonomi, mencapai dan mengekalkan kemampunan baki fiskal, mencapai dan mengekalkan tahap hutang yang berhemat dan memastikan pengurusan risiko fiskal yang berkesan.
10. *Fasal 7* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa keluaran dalam negeri kasar merujuk kepada keluaran dalam negeri kasar Malaysia nominal yang terkini sebagaimana yang disahkan oleh Menteri.

11. *Fasal 8* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi objektif fiskal dan nilai kuantiti.

Subfasal 8(1) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa mengikut prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab dalam *subfasal 6(2)*, Kerajaan hendaklah mencapai objektif fiskalnya yang terdiri daripada memastikan perbelanjaan pembangunan tahunan minimum yang dilakukan sebagai peratusan keluaran dalam negeri kasar bagi menjana pertumbuhan ekonomi, mencapai baki fiskal yang mampan sebagai peratusan kepada keluaran dalam negeri kasar dalam jangka masa sederhana, mencapai tahap hutang yang berhemat sebagai peratusan kepada keluaran dalam negeri kasar dalam jangka masa sederhana dan mengehadkan pendedahan risiko fiskal berkaitan dengan apa-apa jaminan kewangan sebagai peratusan kepada keluaran dalam negeri kasar.

Subfasal 8(2) dan (3) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa objektif fiskal hendaklah diukur melalui nilai kuantiti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan nilai kuantiti itu hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya satu angka sasaran yang perlu dicapai dalam jangka masa sederhana.

Subfasal 8(4) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa komponen utama dasar fiskal untuk mencapai objektif fiskal hendaklah seperti yang diperuntukkan di bawah Bahagian III Akta yang dicadangkan.

12. *Fasal 9* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Menteri hendaklah merumuskan Rangka Kerja Fiskal Jangka Masa Sederhana sebagai panduan perancangan, strategi dan keutamaan fiskal dalam jangka masa sederhana. Rangka Kerja Fiskal Jangka Masa Sederhana merupakan unjuran tiga hingga lima tahun kedudukan fiskal Kerajaan dengan sandaran andaian petunjuk ekonomi yang diunjurkan oleh Kerajaan. Rangka Kerja Fiskal Jangka Masa Sederhana hendaklah disokong oleh suatu strategi hasil dan suatu dasar perbelanjaan awam.

BAHAGIAN III

13. Bahagian III Akta yang dicadangkan mengandungi empat penggal yang berhubungan dengan komponen utama dasar fiskal iaitu hasil, perbelanjaan awam, pengurusan pinjaman dan hutang serta pengurusan risiko fiskal.

Penggal 1

14. Penggal 1 Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan dasar hasil Kerajaan.

15. *Fasal 10* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perumusan dasar hasil Kerajaan.

Subfasal 10(1) bertujuan untuk memperuntukkan tanggungjawab Menteri bagi merumuskan dan melaksanakan dasar hasil Kerajaan berdasarkan prinsip kecekapan, keadilan dan kesaksamaan, dan prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab di bawah Akta yang dicadangkan.

Subfasal 10(2) bertujuan untuk menghendaki Menteri untuk merumuskan dasar hasil berdasarkan objektif iaitu untuk mencapai penjanaaan hasil yang mencukupi dan mampan dalam jangka masa sederhana dan panjang, untuk mengurus dan mentadbir hasil selaras dengan amalan terbaik antarabangsa, untuk mempunyai sistem cukai yang cekap dan rangka kerja perundangan yang saksama dan untuk mengekalkan darjah kebolehamalan dan kestabilan dasar cukai yang munasabah.

16. *Fasal 11* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa dasar hasil Kerajaan hendaklah berdaya saing dalam persekitaran global, menggalakkan pelaburan dan menyokong pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Menjadi suatu tanggungjawab Menteri untuk memastikan penjanaaan hasil mampu membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan atau sekurang-kurangnya membiayai perbelanjaan mengurus. *Fasal* ini selanjutnya menghendaki Kerajaan menerima pakai dasar hasil yang berkesan dan cekap bagi memastikan penjanaaan hasil yang mampan dan meminimumkan kemungkinan kehilangan hasil.

17. *Fasal 12* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tanggungjawab Menteri berhubung dengan dasar hasil Kerajaan. Menteri hendaklah merumuskan strategi hasil jangka masa sederhana dan menjalankan suatu kajian semula ke atas dasar hasil termasuklah rangka kerja perundangan dan struktur insentif dalam mengoptimumkan sumber hasil. Berkenaan dengan setiap tahun kewangan, Menteri dikehendaki untuk menyediakan anggaran hasil tahunan selepas mengambil kira perubahan dasar dan perundangan hasil selaras dengan sandaran andaian petunjuk ekonomi dan faktor lain yang berkaitan. *Fasal* ini juga menghendaki Menteri untuk membuat suatu taksiran mengenai potensi kehilangan atau tambahan hasil dan hendaklah menentukan langkah-langkah yang boleh meminimumkan kehilangan hasil dan memastikan pengurusan dan pentadbiran hasil adalah mengikut objektif di bawah *subfasal 10(2)* dan dasar di bawah *fasal 11* yang berhubungan dengan hasil di bawah Akta yang dicadangkan.

Penggal 2

18. Penggal 2 Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan dasar perbelanjaan awam Kerajaan.

19. *Fasal 13* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perumusan dasar perbelanjaan awam Kerajaan.

Subfasal 13(1) bertujuan untuk memperuntukkan tanggungjawab Menteri untuk merumuskan dan melaksanakan dasar perbelanjaan awam secara berkesan dan cekap untuk meningkatkan disiplin fiskal, penyampaian perkhidmatan awam dan agihan sumber ke arah mencapai keseluruhan objektif sosioekonomi mengikut prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab di bawah Akta yang dicadangkan.

Subfasal 13(2) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa perumusan dasar perbelanjaan awam hendaklah berdasarkan kepada objektif iaitu untuk menerapkan disiplin fiskal dalam pengurusan perbelanjaan awam, untuk memastikan penjajaran perbelanjaan awam dengan penjanaaan hasil dalam jangka masa sederhana, untuk memastikan ketelusan dalam perbelanjaan awam dan untuk meningkatkan kecekapan dalam perbelanjaan awam.

Subfasal 13(3) bertujuan untuk menghendaki Menteri untuk mengambil kira perbelanjaan pembangunan tahunan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dalam merumuskan dasar perbelanjaan awam.

20. *Fasal 14* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Menteri hendaklah merumuskan dasar perbelanjaan awam yang menyeluruh, realistik dan telus dengan garis tanggungjawab dan kebertanggungjawaban yang jelas. *Fasal* ini juga menghendaki Kerajaan untuk menerima pakai dasar perbelanjaan awam yang berkesan dan cekap yang, memastikan perbelanjaan awam diuruskan secara berhemat, sumber diperuntukkan dengan cekap dan berkesan, program dan projek yang dilaksanakan mempunyai impak yang tinggi dan kesan pengganda kepada ekonomi dan memastikan peruntukan yang dibelanjakan memberi nilai faedah terbaik. Kerajaan hendaklah membuat penilaian atas implikasi kewangan bersama-sama dengan penstrukturan semula perbelanjaan atau penyusunan semula keutamaan strategi dan langkah-langkah hasil sebelum membuat apa-apa keputusan dan dasar yang mempunyai perbelanjaan tambahan.

21. *Fasal 15* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tanggungjawab Menteri berhubung dengan perbelanjaan awam Kerajaan.

Subfasal 15(1) bertujuan untuk menghendaki Menteri merumuskan dasar perbelanjaan awam jangka masa sederhana sebagai rangka kerja yang menyeluruh sebagai panduan perancangan perbelanjaan awam.

Subfasal 15(2) bertujuan untuk menghendaki Menteri menyediakan penyata anggaran perbelanjaan mengikut mandat dan dasar Kerajaan berdasarkan sandaran andaian petunjuk ekonomi dan faktor lain yang berkaitan.

Subfasal 15(3) bertujuan untuk menghendaki Menteri memantau prestasi program dan projek dalam anggaran perbelanjaan dan melaporkan keberhasilannya untuk memastikan penggunaan sumber yang optimum.

Subfasal 15(4) bertujuan untuk menghendaki Menteri menerbitkan laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun di bawah *fasal 36* Akta yang dicadangkan.

Subfasal 15(5) bertujuan untuk menghendaki Menteri menyatakan tujuan dan sumber pembiayaan sama ada melalui penjimatan, penstrukturan semula perbelanjaan, tambahan hasil atau pinjaman bagi membiayai perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih semasa pembentangan rang undang-undang perbekalan tambahan. Perbelanjaan lebih ertinya perbelanjaan tahun kewangan itu melebihi anggaran perbelanjaan tahunan yang diluluskan.

Subfasal 15(6) bertujuan untuk menghendaki Menteri menjalankan penilaian program dan projek dalam jangka masa sederhana dan melaporkan dapatan dan syornya kepada Jemaah Menteri.

Penggal 3

22. Penggal 3 Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan dasar pengurusan pinjaman dan hutang Kerajaan.

23. *Fasal 16* bertujuan untuk menghendaki Menteri untuk merumuskan dan melaksanakan dasar pengurusan pinjaman dan hutang secara bertanggungjawab dan berhemat untuk memastikan kemampuan dan kemampuan hutang. *Fasal* ini selanjutnya menghendaki Menteri untuk merumuskan dasar pengurusan pinjaman dan hutang berdasarkan objektif iaitu, untuk memastikan obligasi pinjaman dan hutang Kerajaan dipenuhi tepat pada masanya pada kos paling rendah dengan tahap risiko yang munasabah, untuk menggalakkan pembangunan dan kecekapan fungsi pasaran kewangan domestik dan untuk memastikan kemampuan hutang dan konsolidasi hutang dalam jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.

24. *Fasal 17* bertujuan untuk menghendaki Kerajaan mematuhi dasar pinjaman mengikut Akta yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan pinjaman itu hendaklah digunakan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dan untuk membayar balik hutang matang.

25. *Fasal 18* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jumlah hutang Kerajaan hendaklah tidak melebihi peratusan kepada keluaran dalam negeri kasar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama. *Fasal* ini juga membenarkan Menteri dalam tahun kewangan, memindahkan apa-apa lebihan jumlah hasil kepada kumpulan wang penjelas untuk mengurangkan hutang Kerajaan, jika jumlah hasil melebihi jumlah perbelanjaan. Kumpulan wang penjelas diwujudkan di bawah seksyen 12 Akta Pinjaman (Tempatan) 1959.

26. *Fasal 19* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tanggungjawab Menteri berhubung dengan pengurusan pinjaman dan hutang Kerajaan.

Subfasal 19(1) dan (2) bertujuan untuk menghendaki Menteri menyediakan program pinjaman sebelum permulaan suatu tahun kewangan untuk membiayai perbelanjaan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dan membayar balik hutang matang. Menteri boleh menyemak semula program pinjaman jika disifatkannya perlu berbuat demikian.

Subfasal 19(3) bertujuan untuk menghendaki Menteri untuk memantau pinjaman, bayaran khidmat hutang dan jumlah hutang pada setiap masa.

Subfasal 19(4) bertujuan untuk menghendaki Menteri untuk menilai kemampuan hutang dalam jangka masa sederhana dan melaporkan dapatan dan syornya kepada Kerajaan.

Subfasal 19(5) bertujuan untuk menghendaki Menteri untuk memastikan pelaksanaan dasar pengurusan pinjaman dan hutang adalah selaras dan mengikut peruntukan Akta yang dicadangkan.

Penggal 4

27. Penggal 4 Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan dasar pengurusan risiko fiskal Kerajaan.

28. *Fasal 20* bertujuan untuk menghendaki Menteri untuk merumuskan dasar pengurusan risiko fiskal Kerajaan untuk meminimum dan mengurangkan pendedahan risiko Kerajaan selaras dengan prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab di bawah *subfasal 6(2)* Akta yang dicadangkan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk mentakrifkan risiko fiskal sebagai apa-apa transaksi atau hal keadaan yang mengikat atau mungkin mengikat Kerajaan kepada liabiliti kewangan, termasuklah komitmen kewangan kepada Kerajaan yang berbangkit daripada apa-apa jaminan kewangan, kerjasama awam-swasta dan entiti Kerajaan, perubahan dalam mana-mana petunjuk ekonomi yang boleh menyebabkan komitmen kewangan tambahan kepada Kerajaan, kesan bencana alam, perubahan iklim, pandemik dan situasi geopolitik yang boleh menyebabkan komitmen kewangan tambahan kepada Kerajaan, dan apa-apa hal keadaan lain yang berpotensi mendedahkan Kerajaan kepada suatu komitmen kewangan.

29. *Fasal 21* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tanggungjawab Menteri berhubung dengan pengurusan risiko fiskal adalah, untuk mengenal pasti sumber risiko fiskal yang boleh mendedahkan Kerajaan kepada apa-apa liabiliti kewangan, untuk menilai dan menentukan, semasa tahun kewangan dan selepas berakhir setiap tahun kewangan, prestasi kewangan entiti Kerajaan dan penerima jaminan kewangan yang boleh mendedahkan Kerajaan kepada liabiliti, apa-apa keputusan Kerajaan yang boleh mengikat Kerajaan kepada suatu komitmen kewangan tambahan, apa-apa bencana alam, dan hal keadaan lain yang menyebabkan komitmen kewangan tambahan dan obligasi hutang, dan perubahan dalam petunjuk ekonomi, dan untuk merumuskan suatu pelan untuk mengurangkan risiko material kepada kedudukan fiskal Kerajaan yang berbangkit daripada perkara yang dinyatakan di bawah *subfasal 20(2)*.

30. *Fasal 22* bertujuan untuk menghendaki Menteri untuk menyediakan peruntukan kewangan dan menzahirkan risiko fiskal berdasarkan keadaan iaitu, sekiranya risiko fiskal yang dinilai boleh ditentukan kuantiti dengan ketepatan yang munasabah dan komitmen kewangan Kerajaan yang boleh ditetapkan dalam jangka masa sederhana berbangkit, komitmen kewangan itu hendaklah dizahirkan dalam laporan tinjauan fiskal, atau, sekiranya risiko fiskal yang dinilai tidak boleh ditentukan kuantiti dengan ketepatan yang munasabah atau komitmen kewangan tidak boleh ditetapkan dalam jangka masa sederhana, risiko fiskal itu hendaklah dizahirkan dalam penyata risiko fiskal.

31. *Fasal 23* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi cara untuk menghadkan pendedahan kepada risiko fiskal.

Subfasal 23(1) bertujuan untuk menghendaki Menteri menghadkan pendedahan kepada risiko fiskal ke atas kedudukan fiskal Kerajaan yang berbangkit daripada jaminan kewangan, kerjasama awam-swasta dan entiti Kerajaan dengan menyediakan dan menerbitkan garis panduan atau rangka kerja dasar.

Subfasal 23(2) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa jaminan kewangan tidak boleh diberikan kecuali jaminan itu adalah selaras dengan prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab di bawah Akta yang dicadangkan, terma dan syarat jaminan itu adalah selaras dengan garis panduan atau rangka kerja dasar dan amaun jaminan itu hendaklah tidak melebihi had nilai kuantiti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

32. *Fasal 24* bertujuan untuk menghendaki Menteri untuk membentangkan pelan mitigasi di hadapan Dewan Rakyat sekiranya terdapat kemungkinan berlaku suatu kemungkiran atau terdapat suatu keadaan signifikan yang boleh menyebabkan berlakunya kemungkiran oleh penerima jaminan kewangan. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa sekiranya pelan mitigasi melibatkan penggunaan amaun daripada Kumpulan Wang Disatukan, amaun itu hendaklah diperuntukkan dalam anggaran perbelanjaan.

33. *Fasal 25* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tanggungjawab untuk mengemukakan penyata kewangan.

Subfasal 25(1) dan *(2)* bertujuan untuk menghendaki entiti Kerajaan dan penerima jaminan kewangan mengemukakan penyata kewangan teraudit kepada Perbendaharaan tidak lebih dari enam bulan dari berakhirnya tahun kewangan. Sekiranya penyata kewangan teraudit belum dikeluarkan, entiti Kerajaan dan penerima jaminan kewangan hendaklah mengemukakan penyata kewangan yang tidak teraudit.

Subfasal 25(3) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa walau apa pun *subfasal (1)* dan *(2)*, Menteri boleh mengarahkan mana-mana entiti Kerajaan dan penerima jaminan kewangan untuk mengemukakan penyata kewangan pada bila-bila masa.

Subfasal 25(4) bertujuan untuk mentakrifkan ‘tahun kewangan’ yang disebut dalam *subfasal 25(1)* sebagai tahun kewangan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Syarikat 2016.

BAHAGIAN IV

34. Bahagian IV Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang pelan pelarasan fiskal.

35. *Fasal 26* bertujuan untuk membenarkan Kerajaan untuk menyimpang buat sementara daripada objektif fiskal apabila berlaku suatu keadaan mengejut dan tidak dapat diramalkan yang boleh mendatangkan risiko yang signifikan kepada kehidupan manusia, ekonomi dan kedudukan fiskal. Menteri hendaklah, sebelum membuat apa-apa penyimpangan daripada objektif fiskal, menjalankan suatu penilaian untuk menentukan sama ada keadaan sedemikian akan menyebabkan krisis ekonomi yang signifikan, krisis kesihatan atau menjejaskan kedudukan fiskal Kerajaan. *Fasal* ini selanjutnya memperuntukkan bahawa Menteri hendaklah membentangkan penilaian yang dibuat kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan. Jika Jemaah Menteri berpuas hati dengan penilaian yang dibentangkan oleh Menteri, Menteri hendaklah menyediakan dan membentangkan pelan pelarasan fiskal kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa pelan pelarasan fiskal di bawah *fasal* ini hendaklah mengandungi alasan penyimpangan, langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk kembali kepada objektif fiskal dan nilai kuantiti, tempoh masa yang Kerajaan jangka akan diambil untuk kembali kepada objektif fiskal dan nilai kuantiti dan maklumat lain yang berhubungan dengan pelan pelarasan fiskal. Sekiranya Jemaah Menteri meluluskan pelan pelarasan fiskal yang dibentangkan oleh Menteri, Menteri hendaklah membentangkan pelan pelarasan fiskal tersebut dalam sidang Dewan Rakyat yang akan datang.

36. *Fasal 27* bertujuan untuk memperuntukkan tentang ketidakcapaian objektif fiskal dan nilai kuantiti. Menteri dikehendaki untuk membentangkan suatu pelan pelarasan fiskal untuk diluluskan melalui ketetapan oleh Dewan Rakyat sekiranya objektif fiskal dan nilai kuantiti sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama tidak tercapai. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa pelan pelarasan fiskal di bawah *fasal* ini hendaklah mengandungi, alasan ketidakcapaian objektif fiskal dan nilai kuantiti, langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mencapai objektif fiskal dan nilai kuantiti, jangkaan tempoh masa yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mencapai objektif fiskal dan nilai kuantiti dan maklumat lain yang berkaitan dengan pelan pelarasan fiskal. Selanjutnya, *fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sekiranya pelan pelarasan fiskal itu tidak diluluskan, Dewan Rakyat boleh meluluskan suatu ketetapan untuk menghendaki Menteri menambah baik pelan pelarasan fiskal untuk dibentangkan di Dewan Rakyat dengan seberapa segera yang boleh praktik dan Menteri hendaklah melaporkan kemajuan langkah-langkah yang dinyatakan dalam *perenggan 27(2)(b)* dalam laporan tinjauan fiskal tahunan yang berikutnya.

BAHAGIAN V

37. Bahagian V Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang Jawatankuasa Dasar Fiskal.

38. *Fasal 28* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Dasar Fiskal. Jawatankuasa Dasar Fiskal boleh membuat syor kepada Jemaah Menteri berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengan dasar fiskal Kerajaan.

39. *Fasal 29* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi keanggotaan Jawatankuasa Dasar Fiskal.

Subfasal 29(1) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Jawatankuasa Dasar Fiskal hendaklah terdiri daripada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan, Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi ekonomi, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Gabenor Bank Negara Malaysia, dan tidak lebih daripada dua orang lain yang hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa yang hendaklah dalam kalangan orang yang mempunyai kedudukan dan pengalaman dalam fiskal atau kewangan awam.

Subfasal 29(2) dan *(3)* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa ketua bahagian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal dasar fiskal di Perbendaharaan hendaklah menjadi setiausaha kepada Jawatankuasa dan bagi maksud mendapatkan pandangan mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan, Pengerusi boleh menjemput mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa. Selanjutnya, *subfasal 29(4)* bertujuan untuk membenarkan Jawatankuasa untuk menentukan tatacaranya sendiri.

40. *Fasal 30* bertujuan untuk memperuntukkan tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa untuk menyelia perkara fiskal, hutang dan liabiliti dan risiko fiskal, menimbang teliti dan mencadangkan dasar kepada Kerajaan untuk mencapai objektif fiskal, dan memenuhi kewajipan fidusiarinya untuk memastikan pelaksanaan dasar fiskal adalah selaras dengan prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam *subfasal 6(2)* Akta yang dicadangkan.

41. *Fasal 31* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa kecil. Jawatankuasa Dasar Fiskal boleh, menubuhkan jawatankuasa kecil untuk menilai risiko fiskal, hutang dan liabiliti lain kepada Kerajaan, dan menentukan keanggotaan jawatankuasa kecil. *Fasal* ini juga bertujuan untuk menghendaki jawatankuasa kecil melapor dan membuat syor kepada Jawatankuasa. Selanjutnya, *fasal* ini bertujuan untuk membenarkan jawatankuasa kecil menentukan tatacaranya sendiri. Walau bagaimanapun, jawatankuasa kecil hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan oleh Jawatankuasa.

BAHAGIAN VI

42. Bahagian VI Akta yang dicadangkan mengandungi dua penggal berkenaan perkara yang berhubungan dengan pelaporan.

Penggal 1

43. Penggal 1 Bahagian VI Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang dokumen belanjawan tahunan.

44. *Fasal 32* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan laporan tinjauan ekonomi.

Subfasal 32(1) bertujuan untuk menghendaki Menteri untuk membentangkan laporan tinjauan ekonomi berkenaan dengan setiap tahun kewangan di hadapan Dewan Rakyat berserta dengan penyata anggaran hasil dan perbelanjaan bagi tahun itu.

Subfasal 32(2) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa kandungan laporan tinjauan ekonomi hendaklah mengandungi prestasi ekonomi semasa dan unjuran ekonomi selaras dengan objektif fiskal dan hendaklah termasuk unjuran makroekonomi bagi tahun kewangan itu, menetapkan nilai sebenar, anggaran dan unjuran nilai petunjuk ekonomi, yang terdiri daripada keluaran dalam negeri kasar dan komponennya, inflasi, pasaran buruh dan petunjuk ekonomi lain yang berkaitan.

45. *Fasal 33* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan tinjauan fiskal. Menteri, berkenaan dengan setiap tahun kewangan dikehendaki untuk membentangkan laporan tinjauan fiskal di hadapan Dewan Rakyat berserta penyata anggaran hasil dan perbelanjaan bagi tahun itu. Laporan tinjauan fiskal hendaklah mengandungi maklumat jumlah hasil, jumlah perbelanjaan, baki fiskal, tahap jumlah hutang dan liabiliti lain, kedudukan

fiskal sektor awam disatukan, Rangka Kerja Fiskal Jangka Masa Sederhana, apa-apa pelan pelarasan fiskal yang dirujuk di bawah Bahagian IV Akta yang dicadangkan jika berkenaan dan petunjuk fiskal lain yang berkaitan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa laporan tinjauan fiskal hendaklah mengandungi maklumat prestasi dan strategi Kerajaan untuk mencapai objektif fiskal bagi tahun kewangan dan untuk tempoh Rangka Kerja Fiskal Jangka Masa Sederhana.

46. *Fasal 34* bertujuan untuk menghendaki Menteri memberikan maklumat mengenai kutipan hasil sebenar bagi tahun kewangan sebelumnya berkenaan dengan penyata anggaran hasil di bawah *Fasal (1) Perkara 99* Perlembagaan Persekutuan, anggaran hasil yang disemak bagi tahun kewangan semasa, anggaran hasil bagi tahun kewangan berikutnya serta maklumat mengenai hasil cukai dan bukan cukai.

47. *Fasal 35* bertujuan untuk menghendaki Menteri untuk memberikan maklumat mengenai anggaran perbelanjaan Kerajaan mengikut *Fasal (1) Perkara 99* Perlembagaan Persekutuan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa anggaran perbelanjaan hendaklah mengandungi maklumat program dan aktiviti bagi perbelanjaan mengurus, program dan projek bagi perbelanjaan pembangunan, prestasi program dan maklumat lain yang berkaitan yang berhubungan dengan anggaran perbelanjaan.

Penggal 2

48. Penggal 2 Bahagian VI Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun, penyata risiko fiskal dan penyata perbelanjaan cukai.

49. *Fasal 36* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun.

Subfasal 36(1) bertujuan untuk menghendaki Menteri untuk menyebabkan supaya diterbitkan laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun tidak lewat daripada 30 September bagi setiap tahun kewangan.

Subfasal 36(2) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun hendaklah mengandungi maklumat perbelanjaan sebenar berbanding anggaran perbelanjaan, perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih di bawah *Perkara 101* Perlembagaan Persekutuan, penggunaan Kumpulan Wang Luar Jangka di bawah *Perkara 103* Perlembagaan Persekutuan dan Rizab Luar Jangka di bawah seksyen 6 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, kemajuan dalam pelaksanaan inisiatif atau langkah-langkah belanjawan Kerajaan berkenaan dengan tahun kewangan itu dan maklumat lain yang berhubungan dengan laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun.

Subfasal 36(3) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun hendaklah digunakan bagi maksud menilai prestasi perbelanjaan Kerajaan berbanding anggaran bagi tahun kewangan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam anggaran perbelanjaan di bawah *fasal 35* Akta yang dicadangkan.

50. *Fasal 37* bertujuan untuk menghendaki Menteri untuk menyebabkan supaya diterbitkan penyata risiko fiskal tahunan. Penyata risiko fiskal hendaklah mengandungi maklumat berkaitan risiko makroekonomi, tahap jaminan kewangan, pendedahan kepada liabiliti lain, penzahiran yang dinyatakan di bawah *fasal 22* Akta yang dicadangkan, pelan mitigasi yang disebut dalam *fasal 24* Akta yang dicadangkan dan maklumat lain berkaitan yang berhubungan dengan risiko fiskal. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa penyata risiko fiskal hendaklah digunakan bagi maksud menilai pendedahan risiko fiskal kepada Kerajaan.

51. *Fasal 38* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan penyata perbelanjaan cukai.

Subfasal 38(1) dan *(2)* bertujuan untuk menghendaki Menteri untuk menyebabkan supaya diterbitkan penyata perbelanjaan cukai tahunan. Penyata perbelanjaan cukai itu hendaklah mengandungi maklumat perbelanjaan cukai sebenar dan anggaran perbelanjaan cukai, perbelanjaan cukai sebenar berbanding anggaran perbelanjaan cukai, apa-apa perubahan dalam dasar cukai dan perundangan cukai dan maklumat lain yang berkaitan yang berhubungan dengan perbelanjaan cukai.

Subfasal 38(3) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa penyata perbelanjaan cukai hendaklah digunakan bagi maksud menilai kehilangan hasil yang disebabkan oleh perubahan dasar cukai Kerajaan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada pengecualian, peremitan, elaun, kadar cukai keutamaan, penangguhan atau timbal balas, yang mengurangkan obligasi cukai bagi mencapai matlamat yang dihasratkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3311]